



**SURAT PEKELILING  
PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG  
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

---

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN NEGERI  
PAHANG TAHUN 2023**

---

**1. TUJUAN**

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan tahun 2023.

**2. SENARIO EKONOMI DAN FISKAL NEGARA**

2.1 Pada tahun 2022, ekonomi Malaysia diunjur terus berkembang pada kadar antara 5.3% hingga 6.3% seiring dengan perkembangan berterusan aktiviti ekonomi global dan domestik yang didorong oleh liputan vaksinasi termasuk dos penggalak yang lebih meluas, peralihan ke fasa endemik dan pembukaan ekonomi sepenuhnya menjelang 1 April 2022 serta peningkatan permintaan global khususnya dari rakan dagang utama. Unjuran ini adalah

selari dengan unjuran ekonomi global pada tahun 2022 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia dianggar meningkat pada kadar 4.4%, manakala perdagangan dunia dijangka turut berkembang pada kadar 6%. Peningkatan permintaan domestik dijangka berterusan pada 2022 diterajui oleh penggunaan swasta berikutan pasaran buruh yang semakin pulih susulan pelonggaran langkah pembendungan wabak dan sentimen pengguna yang lebih baik. Permintaan luar yang kukuh terutamanya bagi komoditi utama dan produk elektrik dan elektronik (E&E) dijangka terus menyokong pertumbuhan eksport seterusnya membantu mengekalkan lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran (BOP).

- 2.2 Tindak balas proaktif Kerajaan dalam menangani krisis COVID-19 secara berterusan melalui pendekatan Strategi 6R iaitu *Resolve* (Ketegasan), *Resilient* (Ketahanan), *Restart* (Memulakan Semula), *Recover* (Pemulihan), *Revitalise* (Memperkasa) dan *Reform* (Menyusun Semula) sebagai Strategi Pemulihan Negara di samping pelaksanaan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi serta langkah Belanjawan telah membantu mengurangkan kesan pandemik kepada ekonomi di mana kadar pertumbuhan KDNK kembali berkembang sebanyak 3.1% pada tahun 2021. Langkah proaktif ini diteruskan dengan pelaksanaan inisiatif Bajet 2022 yang bertujuan untuk menyokong momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka pendek serta pelaksanaan RMKe-12 bagi proses pemulihan ekonomi jangka sederhana secara inklusif, mampan dan seimbang di antara semua sektor ekonomi.
- 2.3 Dalam jangka panjang, pembaharuan struktur ekonomi, kewangan dan fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan selama ini telah menyediakan penampan yang kukuh untuk Malaysia bertahan dalam menangani cabaran luar yang tidak menentu. Struktur ekonomi yang lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas; sistem kewangan yang berdaya tahan dan maju;

dan struktur perdagangan yang pelbagai dari segi produk dan pasaran eksport serta kadar pertukaran yang fleksibel terus mendokong aktiviti ekonomi domestik. Walau bagaimanapun, kementerian/jabatan dan agensi pelaksana perlu memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan langkah yang telah digubal supaya dapat mengekalkan momentum pemulihan ekonomi di samping menjamin kemampunan fiskal negara, khususnya dalam keadaan sumber kewangan Kerajaan yang terhad.

2.4 Walaupun pertumbuhan ekonomi diunjur lebih baik pada 2022, sebagai sebuah ekonomi terbuka, risiko prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih perlahan masih wujud. Ini berikutan faktor ketidakpastian dalam penemuan varian-varian baharu dan kadar jangkitan kes COVID-19 serta perbezaan kadar pemberian vaksin dan sokongan dasar ke arah pemulihan tidak sekata dalam kalangan ekonomi dunia. Negara juga berdepan dengan ketegangan geopolitik, konflik di Ukraine, ketidakstabilan dalam pasaran komoditi dan kewangan, gangguan rantai bekalan global serta bencana alam seperti banjir yang boleh merencatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini memberi cabaran yang besar kepada Kerajaan dalam menguruskan kewangan awam yang terhad. Prestasi kutipan hasil perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan bagi mengimbangi keperluan perbelanjaan dan aliran tunai.

2.5 Justeru itu, Kerajaan akan lebih berhati-hati dalam menentukan keperluan pembiayaan dan memastikan pengurusan kewangan yang lebih cermat bagi melindungi keperluan pembangunan masa hadapan. Bagi tahun 2022, Kerajaan mensasarkan defisit fiskal pada 6% berbanding KDNK. Kerajaan juga komited untuk terus menyokong agenda pembaharuan fiskal dan meneruskan semula usaha konsolidasi fiskal untuk jangka masa sederhana yang disasarkan pada purata 5% kepada KDNK dalam Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (*Medium-term Fiscal Framework - MTFF*) (2022 – 2024).

### 3. SENARIO EKONOMI NEGERI

- 3.1 Pada tahun 2020, Negeri Pahang merekodkan nilai KDNK sebanyak -5.9% berbanding 3.8% pada tahun 2019.
- 3.2 Kerajaan Negeri akan sentiasa menitikberatkan keseimbangan di antara keadaan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan tema “Kemakmuran Negeri, Manfaat Bersama, Rakyat Sejahtera”. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan mengambil kira semua aspek dalam pemulihan pasca COVID-19.
- 3.3 Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited bagi meningkatkan hasil negeri dan **telah mensasarkan kutipan hasil sebanyak 1.036 bilion ringgit bagi tahun 2022**. Kerajaan Negeri Pahang juga memberi tumpuan kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri secara holistik dan juga memberi keutamaan kepada rakyat supaya dapat meneruskan kelangsungan kehidupan mereka setelah negara dilanda COVID-19.
- 3.4 Pentadbiran Negeri Pahang sentiasa berusaha meningkatkan hasil dengan mengurangkan ketirisan. Antara inisiatif yang telah diambil adalah menubuhkan anak syarikat Kerajaan Negeri bagi menjana pendapatan, memperkasa Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (*Unified Enforcement*) dengan penubuhan Pasukan Elit Negeri Pahang bagi pengoperasian membanteras pencerobohan dan penerokaan tanah secara haram, mengenakan Caj Kelestarian kepada penginap-penginap hotel di seluruh Negeri Pahang dan meningkatkan kutipan cukai tanah serta penguatkuasaan Tunggakan Cukai Tanah.
- 3.5 Selain itu, beberapa langkah proaktif telah diambil termasuk yang melibatkan kutipan Duti Hiburan. Pada tahun 2021, kutipan Duti Hiburan adalah **2.3 juta**

**ringgit.** Pemantauan secara menyeluruh dan bersepadu juga dilaksanakan oleh pihak PBT dan ini dijangka dapat meningkatkan kutipan hasil negeri.

#### **4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL**

4.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengambil daya usaha yang lebih serius untuk menganggar dan memungut setiap jenis hasil iaitu hasil bagi tahun semasa dan juga tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

- 4.1.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2023;
- 4.1.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2023 yang boleh dipungut dalam tahun berkenaan;
- 4.1.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelumnya yang boleh dipungut dalam tahun 2023;
- 4.1.4 Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak dapat dipungut dalam tahun semasa);
- 4.1.5 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci dengan mengambil kira asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun;
- 4.1.6 Penyediaan Anggaran Hasil 2023 hendaklah mengikut garis panduan di atas dan menggunakan format ABM-7A, ABM-7B dan ABM-7C.

## 5. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2023

5.1 Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan menyediakan Cadangan Belanja Mengurus yang jelas setelah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja jabatan. Ini adalah untuk memastikan Pegawai Pengawal dapat menguruskan peruntukan jabatan dengan cekap dan berkesan.

### Batas Perbelanjaan 2023

5.2 Sebagai makluman, formula Pengiraan Batas Perbelanjaan 2023 adalah seperti berikut :-

<p style="text-align: center;"><b>Batas Perbelanjaan 2023 = Dasar Sedia Ada 2022 + Dasar Baru 2022 + 3% Kenaikan Emolumen (OS 11000)</b></p>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

5.3 Agihan kepada Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah dibuat berdasarkan kepada format yang mengandungi:

5.3.1 Anggaran Peruntukan Mengikut Aktiviti (Batas Perbelanjaan); dan

5.3.2 ABM-7

### Dasar Baru dan *One-Off*

5.4 Cadangan Dasar Baru, *One-Off*, Cadangan Penjimatan serta lampiran-lampiran sampingan hendaklah dikemukakan untuk tahun 2023. Dalam mengemukakan permohonan untuk Dasar Baru, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian kepada perkara berikut :-

- 5.4.1 Permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan;
- 5.4.2 Cadangan Penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos akibat pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses;
- 5.5 Cadangan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah diisi menggunakan format berikut;
  - 5.5.1 ABM-4 (Ringkasan Dasar Baru dan *One-Off* );
  - 5.5.2 ABM-5 (Cadangan bagi setiap Dasar Baru/*One-Off*); dan
  - 5.5.3 ABM-6 (Cadangan Penjimatan bagi setiap Dasar Baru dan *One-Off* ).

## **6. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA PEMBANGUNAN TAHUN 2023**

- 6.1 Tahun 2023 merupakan tahun ketiga bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). WKB 2030 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. WKB 2030 telah menetapkan 15 Prinsip Panduan yang mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia yang unik sebagai panduan kepada penyediaan Teras Strategik dan Pemboleh Daya serta pencapaian sasaran.
- 6.2 Oleh itu, jabatan dikehendaki merancang keutamaan projek berdasarkan hala tuju RMKe-12 dan WKB 2030 terutamanya dalam memastikan pencapaian

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 tercapai. Semua perancangan program hendaklah turut mengambil kira pembudayaan norma baharu bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan iaitu:

- (i) Memansuhkan program yang tidak kritikal;
- (ii) Menyemak tahap kecekapan output dan tahap keberkesanan *outcome* sesebuah program/aktiviti jabatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PS) 1.3: Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan;
- (iii) Menyemak skop program/aktiviti sedia ada mengikut keutamaan;
- (iv) Mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan; dan
- (v) Memberi penekanan kepada analisis gender dalam penyediaan bajet mengurus dan pembangunan bagi menambahbaik pengagihan peruntukan sumber kepada golongan yang lebih memerlukan, memperkukuhkan hubung kait antara objektif ekonomi dan hasil dasar sosial selain membantu kerajaan mematuhi komitmen kesaksamaan gender di peringkat nasional dan antarabangsa.

6.3 Jabatan hendaklah mengambil kira agenda keterangkuman secara menyeluruh dalam membuat analisis masalah/keperluan pelanggan/pihak berkepentingan bagi menentukan outcome dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI) bagi perancangan prestasi dan penyediaan belanjawan termasuklah perkara-perkara berikut:

- (i) Mengutamakan program yang memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan secara inklusif;
- (ii) Memastikan program pembasmian kemiskinan secara menyeluruh meliputi bandar dan luar bandar dengan mengambil kira Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2019 iaitu RM1,169 sebulan yang



ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM);

- (iii) Memperkukuh perlindungan sosial rakyat, terutamanya golongan yang mudah terjejas serta lebih tertumpu kepada golongan rentan, kurang upaya, wanita, warga emas dan yang kehilangan pekerjaan;
- (iv) Menentukan pengagihan yang seimbang antara wilayah bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah;
- (v) Memastikan peluang pembangunan disediakan bagi perusahaan mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta perusahaan Bumiputera di sepanjang rangkaian bekalan; dan
- (vi) Memastikan penyediaan data mengikut gender (*gender-disaggregated data*) ke arah usaha belanjawan yang bersifat responsif gender dari semasa ke semasa bagi membantu proses perancangan penyediaan belanjawan, pemantauan dan pelaporan prestasi serta penilaian program.

6.4 Selaras dengan penetapan hala tuju pembangunan tersebut, semua senarai projek yang akan dipertimbangkan hendaklah berdasarkan kepada fokus tersebut. Pegawai Pengawal mesti mendapatkan kelulusan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang untuk melaksanakan projek-projek sebelum mengemukakan cadangan bajet bagi mendapatkan peruntukan.

6.5 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dimohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak yang berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.

- 6.6 Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan token pada tahun 2023 bagi projek-projek yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2024 khususnya peruntukan untuk membiayai kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan serta urusan dokumentasi tender. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek baru, ianya bergantung pada dasar yang akan dikeluarkan oleh BPEN nanti.
- 6.7 Pegawai Pengawal mesti merancang pelaksanaan projek dengan cekap. Pegawai Pengawal dan Agensi Pelaksana Projek perlu memastikan bahawa nilai wang (*value for money*) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output dan impak maksimum yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu menyenarai utamakan projek-projek yang hendak dilaksanakan dan peruntukan yang dimohon perlulah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan sebenar dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

## **7. PERJAWATAN**

- 7.1 Kerajaan Negeri akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam negeri bersesuaian bagi memastikan jabatan Kerajaan terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera penyampaian. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan dan meningkatkan pembangunan sumber manusia.

- 7.2 Kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan kelulusan daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah **Objek Sebagai 29000**.
- 7.3 Permohonan peruntukan untuk jawatan kosong (tidak diisi) hendaklah berdasarkan kepada kesesuaian tempoh pengisian yang dianggap munasabah. Untuk tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan kepastian daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan mengenai pengisian jawatan tersebut. Keperluan peruntukan untuk jawatan kosong hendaklah dipohon dengan mengisi format ABM-3B bagi tempoh **6 bulan gaji**.

## **8. PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2023**

- 8.1 Tatacara menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 adalah seperti di Lampiran 1, Lampiran 2, Lampiran 3 dan Lampiran 4. Format-format yang perlu diisi adalah seperti berikut :

### **LAMPIRAN 1 - Perjanjian Program**

- (i) Format ABM 1 - Ringkasan Eksekutif
- (ii) Format ABM 2 - Perjanjian Program

### **LAMPIRAN 2 - Anggaran Hasil**

- (i) Format ABM-7A - Ringkasan Hasil Mengikut Objek sebagai
- (ii) Format ABM-7B - Butiran Hasil Mengikut Objek Lanjut
- (iii) Format ABM-7C - Anggaran Hasil Tahun 2023

### **LAMPIRAN 3 - Anggaran Belanja Mengurus**

- (i) Format ABM-3 - Ringkasan Kedudukan Keanggotaan

- (ii) Format ABM-3A - Keterangan Mengenai Emolumen
- (iii) Format ABM-3B - Keterangan Mengenai Jawatan Kosong
- (iv) Format ABM-4 - Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan "One-Off"
- (v) Format ABM-5 - Cadangan Dasar Baru dan "One-Off"
- (vi) Format ABM-6 - Cadangan Penjimatan
- (vii) Format ABM-7 - Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 Mengikut Objek Am dan Objek Sebagai

#### LAMPIRAN 4 - Anggaran Belanja Pembangunan

- (i) AP-1 - Belanja Pembangunan Jabatan Tahun 2023 Bagi Projek-projek Pembangunan
- (ii) AP-2 - Justifikasi Anggaran Pembangunan
- (iii) Lampiran AP - Maklumat Skop Projek Pembangunan

8.2 Pegawai Pengawal dikehendaki merancang dan menyediakan anggaran keperluan peruntukan dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Unjuran keperluan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program atau projek.

8.3 Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 hendaklah **dikemukakan** kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum atau pada 29 April 2022** dengan jumlah salinan seperti berikut :

8.3.1 **Satu (1) salinan *softcopy* Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan** dalam bentuk

CD atau *pendrive*. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua Borang ABM 1 hingga 7, AP-1, AP-2 dan Lampiran AP telah lengkap dan sempurna;

8.3.2 **Tiga (3) salinan *hardcopy*** Ringkasan Eksekutif dan Perjanjian Program;

8.3.3 **Tiga (3) salinan *hardcopy*** Cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM-3 hingga ABM-7);

8.3.4 **Tiga (3) salinan *hardcopy*** Cadangan Anggaran Hasil ABM 7A, 7B dan 7C; dan

8.3.5 **Empat (4) salinan *hardcopy*** Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan dan **satu (1) salinan** hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. **Projek-projek yang diperakukan oleh BPEN sahaja yang akan dipertimbangkan.**

8.4 Pegawai Pengawal dikehendaki memasukkan Data Belanjawan untuk Tahun 2023 ke dalam Sistem iSPEKS - Modul Bajet. Sila rujuk Manual iSPEKS Sistem Belanjawan yang telah diedarkan kepada semua Pegawai Pengawal. Kemasukan Data Belanjawan dalam Sistem iSPEKS perlu disiapkan selepas pemeriksaan belanjawan dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang.

## **9. PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2023**

9.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus dan Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan akan diadakan mulai bulan **Mei 2022**. **Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan hadir sendiri** bersama **pegawai-pegawai yang terlibat** secara langsung dengan pengurusan

kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut :-

- (i) Laporan Prestasi Perbelanjaan 2021 dan 2022 (terkini); dan
- (ii) Surat/dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus/Pembangunan Tahun 2023.

## 10. LAPORAN PENGECUALIAN TAHUNAN

10.1 Laporan Pengecualian Tahunan merupakan satu laporan untuk menjelaskan petunjuk prestasi (kewangan/bukan kewangan) yang mana pencapaian *input/output* terkeluar dari tahap varian yang dipersetujui dalam Perjanjian Program. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum 30 Mac 2023** menggunakan format seperti di **Lampiran A**.

## 11. PENUTUP

- 11.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya memberikan **perhatian serius** dalam merancang dan menyediakan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 bagi jabatan masing-masing.
- 11.2 Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan mengikut keutamaan dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, seterusnya mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 11.3 Pegawai Pengawal juga dikehendaki memberi perhatian serius kepada teguran audit dan mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki kelemahan serta memastikan ketidakpatuhan/kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP. )**

**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

**PAHANG DARUL MAKMUR**

**Bertarikh : 21 April 2022**

s.k

YAB Menteri Besar Pahang

YB Setiausaha Kerajaan Pahang

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Pengarah Audit Cawangan Pahang

Akauntan Negeri

Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan

## SENARAI EDARAN

1. YB Setiausaha Kerajaan Pahang - Bahagian Khidmat Pengurusan
2. YB Setiausaha Kerajaan Pahang - Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
3. Sahibus Samahah Jabatan Mufti Negeri Pahang
4. Ketua Hakim Syariah Negeri Pahang
5. YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang - Seksyen Khidmat Pengurusan
6. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang
7. Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Pekan
8. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
9. Pengarah PlanMalaysia@Pahang (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang)
10. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
11. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang
12. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang
13. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
14. Pegawai Daerah Temerloh
15. Pegawai Daerah Kuantan
16. Pegawai Daerah Pekan
17. Pegawai Daerah Bentong
18. Pegawai Daerah Lipis
19. Pegawai Daerah Raub
20. Pegawai Daerah Maran
21. Pegawai Daerah Bera
22. Pegawai Daerah Rompin
23. Pegawai Daerah Jerantut
24. Pegawai Daerah Cameron Highlands
25. Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang
26. Ketua Pendakwaan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang
27. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
28. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang



29. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pahang
30. Setiausaha Bahagian (MMK & Dewan)